

EMOSI KANAK-KANAK SEMEMANGNYA SUKAR UNTUK DIKAWAL DAN DIJANGKA. LEBIH-LEBIH LAGI APABILA MEREKA MULA MENANGIS, MENJERIT DAN MEMBERONTAK. JIKA DIBIARKAN, BERTAMBAH TERUK DAN JIKA DIPUJUK PULA ADA SAHAJA YANG TIDAK KENA. IBU BAPA YANG BERHADAPAN DENGAN SITUASI SEPERTI INI PERLU BIJAK MENGAWAL ANAK MEREKA DENGAN BERSIKAP RASIONAL TANPA MENGIKUT PERASAAN MARAH.

TIP KAWAL ANAK MENGAMUK



Mengamuk atau meragam adalah cara anak-anak meluahkan perasaan, melepaskan geram, lapar ataupun inginkan sesuatu untuk mendapatkan perhatian. Karena mereka seharusnya dikenal pasti oleh ibu bapa agar mudah untuk memahami isi hati mereka. Mengamuk atau lebih dikenali sebagai tantrum kebiasaannya terjadi kepada kanak-kanak berumur 16 bulan hingga tiga tahun. Menurut pendapat pakar kanak-kanak, adalah penting bagi ibu bapa memahami kenapa anak-anak bersikap demikian agar emosinya mudah dikawal.

Berikut merupakan beberapa tip yang mungkin boleh membantu ibu bapa dalam mengawal anak-anak mengamuk:

Sikap tenang

Sikap tenang merupakan kunci utama dalam mendidik anak-anak. Berikan nasihat kepada si kecil dengan memberitahu mereka bahawa memberontak merupakan perangai tidak elok dan merupakan sikap tidak menghormati ibu bapa. Ibu bapa seharusnya menunjukkan emosi terkawal untuk dijadikan contoh terbaik kepada mereka. Jangan mengambil pendekatan marah dan melenting sebagai penyelesaian kerana ia bukanlah cara untuk mendisiplinkan anak-anak.

Alih fokus anak

Cuba alihkan perhatian mereka dengan melakukan aktiviti yang menyeronokkan seperti menonton rancangan yang mereka minati ataupun melakukan aktiviti luar. Kanak-kanak kebiasaannya mudah tertarik dengan perkara baru dan melupakan apa yang dimarahi. Jangan pula mengalihkan perhatian dengan membelikan mereka mainan baru kerana ia memberikan gambaran kepada anak bahawa mereka mudah untuk mendapatkan apa yang diinginkan apabila meragam.

Pujian dan pujukan

Pujuk dengan menggunakan nada lembut dan bertanyakan

kenapa mereka marah. Cuba tenangkan mereka dengan kata-kata positif. Layan perasaan mereka dengan pujukan manja. Katakan kepada mereka bahawa apa yang dilakukan adalah salah dan akan lebih disayangi sekiranya bersikap baik dan mendengar kata. Jangan terus marah dengan suara lantang dan memukul mereka kerana ia boleh menjadikan si kecil seorang penakut dan jiwanya akan terus memberontak.

Biarkan

Sekiranya mereka masih tetap mengamuk, biarkan kelakuannya begitu. Pedulikan seketika kerana mereka tetapi masih dalam pemerhatian. Si kecil akan berasa bosan dan leih kerana tidak mendapat perhatian daripada ibu bapa. Namun, pastikan anak berada dalam keadaan selamat kerana bimbang mereka akan melakukan sesuatu perkara di luar jangkaan seperti mencederakan diri ataupun membaling barang seperti kaca.

Tetapkan hukuman

Didik anak dengan menetapkan hukuman kepada mereka. Ibu bapa boleh mengarahkan mereka berdiri di sudut dinding untuk beberapa minit dan menuruhkan mereka memikirkan kesalahan yang dilakukan. Ibu bapa juga boleh menyediakan kerusi hukuman yang disediakan khas untuk mereka sekiranya mereka membuat kesalahan. Hukuman tersebut perlulah dilakukan secara konsisten dan serius dalam menjalankannya.

Jangan mengikut kehendak anak

Silapnya, perkara ini sering kali dilakukan oleh ibu bapa. Dengan mengikut apa sahaja kehendak anak, mereka akan menganggap sikap mengamuk merupakan perkara biasa yang mana akan mendapat apa yang diinginkan sekiranya membuat perangai berulang kali. Jangan sogokkan mereka dengan membeli lambakkan mainan. Biar mereka tahu untuk mendapatkan sesuatu bukan dengan menunjukkan kelakuan mengamuk. 4

children general
Pg. 75

CH2 NO: 000027445